

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 16.6.2015

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) jumlah permohonan bagi mengikuti pendidikan di kolej vokasional (KV) bagi tempoh 2010 hingga 2015; dan
- (b) apakah perancangan kementerian bagi meningkatkan jumlah kolej vokasional (KV) memandangkan jumlah KV yang ada hanya mampu menyediakan 5 peratus sahaja pelajar vokasional peringkat menengah berbeza dengan Thailand (40%) dan Indonesia (60%).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah permohonan bagi murid mengikuti program di Kolej Vokasional (KV) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula pada tahun 2012 ialah seramai 8,912 orang, pada tahun 2013 seramai 92,313 orang, tahun 2014 seramai 93,053 orang dan seramai 69,427 orang pada tahun 2015.
- (b) Memandangkan permintaan yang semakin tinggi, dan 80 KV sedia ada hanya boleh menampung pengambilan pelajar seramai 20,000

orang sahaja setahun, KPM telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan penyertaan murid pendidikan vokasional di peringkat menengah atas melalui:

1. Program KV di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Program KV di ILKA dilaksanakan berdasarkan konsep kolaboratif iaitu perkongsian prasarana, peralatan dan sumber manusia yang terdapat di ILKA milik Kementerian lain. KPM telah mendapatkan kerjasama pelbagai Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dari pelbagai Kementerian lain untuk membantu menyediakan tempat bagi murid lepasan PT3 melalui Strategi Lautan Biru Negara (*National Blue Ocean Strategy-NBOS*). Sehingga kini program KV telah dilaksanakan di 14 Institut Latihan Perindustrian (ILP), 2 buah Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC), 2 buah Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) dan 237 GIATMARA seluruh Negara dan akan diperluaskan di ILKA yang lain pada masa hadapan.
2. Program KV juga ditawarkan di Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui kaedah *buying places* khususnya untuk kursus berimpak tinggi seperti *Aircraft Maintenance*, *Subsea Welding Technology*, Teknologi Marin dan sebagainya. KPM juga telah menawarkan program pendidikan vokasional kepada ILKS yang berkebolehan dalam bidang tertentu melalui kaedah *buying seats* untuk murid berkeperluan khas (MBK). Sehingga kini terdapat 16 ILKS yang telah dilantik untuk melaksanakan program pendidikan vokasional.
3. 6 buah KV baharu sedang dibina iaitu di Pasir Puteh, Pagoh, Pekan, Tanjung Piai, Pasir Gudang dan Kuala Berang.

4. Menukar sekolah menengah harian kepada KV seperti SMK Sultan Abdul Samad, Banting kepada KV SMK Sultan Abdul Samad.

KPM juga akan melaksanakan Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) dengan memperkasakan dan menaik taraf program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah harian bermula dari tahun 2015 dengan pelaksanaan Fasa 1 (2015-2017) di 213 SMK dan Fasa 2 (2018) di 746 SMK.